

KEPERLUAN PEMBAHARUAN PEDAGOGI DALAM KAEDAH ASAS MENGAJI AL-QUR'AN: KAEDAH IFTaR

Rosnani Hashim¹

ABSTRACT

The skill of reading the Qur'an in its original language is very important for a Muslim. However, there are still many primary school students who are unable to read the Qur'an after Grade One. This article analyzes four methods of reading the Qur'an in Malaysia, namely the *Muqaddam Baghdadiyah*, the *Qiraati* Dachlan Salim, the *Iqra* Asád Humam and the *Iqra'* Fast Track Rosnani (IFTaR). The researcher found that the first three methods lacked objectives, poor organization of lesson sequence, unclear principles of teaching and assessment. None of these follow the psychological theory of learning and effective pedagogical principles. In trying to recognize and remember letters and vowels, the first three methods taxed the mind through repetitive verbal pronunciation without any writing and listening skills. Scientific principles such as distinguishing letters using color, tracing letters and words, connecting and dissecting words, and providing pictures for the meaning are not applied. These are among the advantages of the IFTaR Method compared to the three methods. Studies of the IFTaR Method among kindergarten children, remedial classes in primary schools, and converts from an Outreach Centre have shown positive achievements in terms of attention, retention, reproduction, and motivation to continue learning.

Keywords: *reading the Qur'an, IFTaR Method, psychological theory of learning, effective pedagogical principles*

[1]
Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia
[rosnanih@gmail.com]

PENDAHULUAN

Celik al-Qur'an adalah satu kemahiran yang wajib bagi setiap Muslim kerana al-Qur'an mengandungi *huda* iaitu petunjuk bagi kehidupan mereka di dunia dan di akhirat. Al-Qur'an juga memberi *furqan*, pembeza antara yang hak dan yang bathil, iman dan kufur dan berbagai-bagai lagi. Al-Qur'an adalah sebuah kitab suci yang menakjubkan malahan merupakan mukjizat yang dibawa oleh Rasulullah, berbeza dengan mukjizat lain yang dikurniakan kepada para mursalin. Al-Qur'an juga mengandungi *shifa'*, penyembuh segala bentuk penyakit hati, batin dan juga fizikal. Al-Qur'an mengandungi hikmah untuk menjadikan para Muslim berfikir dan bertindak dengan bijaksana. Al-Qur'an telah terbukti berjaya melahirkan manusia utuh yang mempunyai akhlak yang mulia, sahih pemikiran dan beramal dengan amalan yang soleh dan baik. Di samping keunggulan al-Qur'an dalam aspek tersebut di atas, ia juga merupakan intipati penting dalam menyempurnakan fardhu sembahyang lima kali sehari sekurang-kurangnya. Justeru tanpa kemahiran membaca al-Qur'an, kehidupan seseorang Muslim itu tidak sempurna.

Kita sedia maklum bahawa al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ dalam bahasa yang Baginda dan kaumnya fahami iaitu Bahasa Arab. Pada awal Islam tidak ramai orang Arab yang celik huruf tetapi ramai yang menghafaz al-Qur'an. Tetapi dengan bertambahnya kuttab dan galakan daripada Rasulullah ﷺ sendiri yang menawarkan kemerdekaan kepada tawanan perang sekiranya mereka boleh mengajar orang Islam membaca dan menulis, bilangan celik huruf meningkat sehingga tamadun Islam berjaya memimpin dunia dalam segala bidang ilmu khususnya di zaman Abbasiyah. Apa yang hendak diperkatakan di sini adalah Rasulullah ﷺ sendiri memulakan langkah celik huruf di kalangan umat Islam walaupun beliau dianggap Nabi yang *ummi*.

Dalam masyarakat kita hari ini keupayaan membaca al-Qur'an asli dalam Bahasa Arab, memang berlaku sejak Islam tiba di Tanah Melayu melalui pedagang-pedagang daripada Jazirah Arab dan juga benua India. Menurut sejarawan Islam mula bertapak di Terengganu pada tahun Hijrah ke 14, Parameswara memeluk Islam di Melaka pada awal kurun masihi ke 15 dan Ibn Batuta datang ke Kepulauan Melayu pada kurun ke 14. Daripada kitab Hikayat Abdullah (1970), amat jelas sekali bahawa orang Melaka ketika itu iaitu kurun ke 18 mendahului celik al-Qur'an sebelum celik jawi. Setelah mereka tamat mengaji al-Qur'an baru mereka belajar membaca dan menulis Bahasa Melayu yang ditulis dalam jawi iaitu berasal daripada huruf Arab. Besar kemungkinan bahawa kitab yang digunakan untuk asas celik al-Qur'an adalah kitab Muqaddam yang mungkin berasal daripada Baghdad sehingga dikenali sebagai kaedah Baghdadiyah.

Kitab Baghdadiyah ini telah digunakan beratus tahun lamanya sehinggalah pada akhir kurun kedua puluh iaitu tahun 1980an, Kyai Dahlan Salim daripada Indonesia memperkenalkan kaedah Qiraati 6 jilid yang memperbaiki kaedah Baghdadiyah dan diperkenalkan dalam pelajaran Pendidikan Islam sistem persekolahan kebangsaan. Kaedah Qiraati kini pula telah diganti dengan Kaedah Iqra 6 jilid oleh Ustaz As'ad Humam juga dari Indonesia, yang kemudian digunakan di sekolah kebangsaan. Kaedah-kaedah baru ini timbul kerana ketidakpuasan dengan kaedah sebelumnya yang mengambil tempoh masa yang lama dan juga membosankan murid kerana banyak kali pengulangan sebelum mereka boleh al-Qur'an. Kini telah timbul pula kaedah Hattawiyah yang menggunakan huruf rumi bagi mempelajari Bahasa Arab. Bagaimanapun ia tidak mendapat sambutan yang baik. Mutakhir, pendedahan telah dibuat tentang satu lagi kaedah mengaji iaitu Kaedah IFTaR (Iqra Fast Track Rosnani) yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan murid tadika, murid yang tidak boleh membaca al-Qur'an selepas Tahun Satu dan juga golongan muallaf yang bermotivasi untuk belajar membaca al-Qur'an.

PERNYATAAN MASALAH

Penelitian terhadap penguasaan bacaan al-Qur'an dan juga kaedah-kaedah dan pendekatan yang digunakan mula berkembang pada awal abad ke-21. Menurut Ab. Halim et al. (2006), pendekatan yang digunakan untuk mengajar adalah pelbagai, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui. Namun demikian, mutakhir ini

terdapat banyak usaha oleh pelbagai pihak untuk menambahbaik kaedah pengajaran al-Qur'an supaya lebih efisien dan kukuh. Ini adalah kerana kajian (cth. Mohd Yusoff & Nur Átiyah, 2013) menyimpulkan bahawa ramai umat Islam masih lagi belum mampu menguasai bacaan al-Qur'an di mana bacaan kurang lancar, lemah dari segi *tajwīd* yang betul dan tidak menyebut huruf *hijaiyah* dengan lafaz *makhraj* yang tepat. Kajian Mohd Yakub dan Saidi Mohd (2008) dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di Terengganu di mana 38.1% mempunyai gred yang sangat lemah dalam tahap bacaan al-Qur'an. Imran Kamal (2010) pula mendapati 31.3% Jemaah masjid di Daerah Hulu Langat yang lemah dalam bacaan *al-Fatihah*.

Dalam satu kajian Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam IKIM-UIAM-KPM (2018) tentang kurikulum dan pengajaran serta pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam menggunakan soal selidik dengan sampel yang terdiri daripada 801 orang guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Kebangsaan dan 370 orang GPI Sekolah Menengah Kebangsaan; dan 2161 orang pelajar SMK dari Malaysia Barat dan Timur, mendapati bahawa penguasaan bacaan al-Qur'an murid-murid di sekolah rendah dan menengah tidak memuaskan. Majoriti besar guru SMK (86.2%) bersetuju bahawa murid mereka belum dapat baca al-Qur'an dan 82.9 peratus bersetuju mereka belum boleh baca jawi dengan lancar. Majoriti guru SK (70.8%) bersetuju bahawa murid mereka mengalami masalah membaca al-Qur'an dan sementara 72.8 peratus bersetuju dengan masalah kelancaran membaca jawi. Guru menggunakan kaedah *Iqra'* dan ada juga yang gunakan kaedah al-Baghdadi untuk mengelakkan mengantuk. Sementara itu, Perbincangan Kumpulan Fokus dalam kalangan guru dan murid SK pula mendapati terlalu banyak tumpuan diberikan kepada usaha khatam al-Qur'an sebelum tamat persekolahan sehingga kaedah Baca Ikut Guru (BIG) diamalkan walaupun murid tidak boleh membaca al-Quran sendirian. Guru mengesyorkan supaya tidak wajar diwajibkan khatam di akhir Tahun 6. Dalam satu kajian lain oleh Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum LEPAI (2017) tentang kelas KAFA, ia mendapati bahawa daripada 881 murid, 51.2% menyatakan bahawa bacaan al-Qur'an di kelas KAFA hampir sama banyak dengan di SK, 92% bersetuju pelajaran al-Qur'an di kelas KAFA membantu pelajaran bacaan al-Qur'an di SK dan 79.5% bersetuju mereka belajar membaca al-Qur'an lebih banyak di kelas KAFA berbanding SK. Ini boleh difahami kerana masa belajar al-Qur'an di kelas KAFA lebih lama iaitu 120 minit seminggu berbanding dengan 90 minit di SK.

Penilaian telah dibuat oleh Abdul Hafiz dan Nor Hidayah (2010), yang menyatakan bahawa walaupun kaedah Baghdadiyah ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam yang boleh membaca al-Quran dengan baik, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan, iaitu:

- (1) Kaedah mengenal huruh *hija'iyah*, huruf bersambung dan berbaris yang terdapat dalam buku Muqaddam agak ketinggalan dan tidak sesuai dengan kaedah mempelajari bahasa untuk masa sekarang.
- (2) Kaedah ini hanya menekankan satu aspek sahaja dari al-Quran iaitu membaca, sedangkan aspek penulisan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira.
- (3) Susunan ayat-ayat al-Quran yang songsang boleh mengelirukan pelajar di peringkat permulaan serta melahirkan anggapan susunan al-Quran sememangnya begitu. Secara tidak langsung ini boleh memberi kesan kepada penyusunan bacaan dalam sembahyang.
- (4) Keempat, kemampuan pelajar dalam membaca terbatas kepada jenis al-Quran yang biasa digunakan sahaja dan agak susah membaca jika diberikan al-Quran yang tidak biasa dengannya.

Dalam kajian lain, Zulkifli dan Nur Atiyah (2013) melaksanakan penelitian untuk mengenalpasti kemampuan 30 murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SK Segambut KL membaca al-Qur'an melalui teknik *Iqra'* di sekolah dan 30 orang kanak-kanak berumur 6-9 tahun melalui kaedah al-Baghdadi di pusat pengajian al-Baghdadi ATCKL,

berdasarkan soal selidik dan ujian lisan (*shafawi*). Dapatan kajian menunjukkan Kaedah Baghdadi yang menggunakan bahan ketuk dan alat bantu mengajar yang lain lebih baik. Bagaimanapun masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan tidak sama iaitu 6 jam seminggu bagi Kaedah Baghdadi dan 1.5 jam seminggu bagi Iqra'. Justeru ada kelemahan dalam rekabentuk eksperimen.

Nor Zaihasra (2016) mengkaji tahap keberkesanan penggunaan Muqaddam Noor al-Hayat (Noor Hayati, 2014) ke atas 10 orang murid Tahun 1 SK Puchong Utama 3 dan memperoleh data melalui temubual, pemerhatian serta Ujian Pra and Pos. Beliau mendapati ada peningkatan dan kesan positif seperti yang dilaporkan oleh murid dan juga guru'. Abdul Hafiz dan Nor Hidayah (2010) pula menyelidik teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an dalam kalangan Saudara Baru, faktor yang mendorong mereka mempelajari al-Qur'an serta mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi. Sampel terdiri daripada mereka yang menghadiri kelas pengajian al-Qur'an di bawah Jabatan Agama Johor dan data diperoleh melalui pemerhatian, temubual dan soal selidik. Mereka mendapati bahawa teknik yang digunakan dan faktor yang mendorong berada pada tahap tinggi iaitu masing-masing 4.12 dan 4.25 daripada skala likert 5 titik, manakala masalah pada tahap sederhana 2.59. Hampir semua (93.9%) bersetuju kaedah Iqra yang paling banyak diguna di mana guru memperkenalkan huruf *hija'iyah* satu persatu; majoriti (86.6%) mendapati rancangan berkaitan pengajian al-Qur'an di televisyen membantu mereka; sementara separuh (64.6%) yang menukarkan tulisan Arab kepada tulisan Rumi bagi memudahkan pembelajaran al-Qur'an. Guru (97.6%) dan rakan (89%) menjadi pendorong utama mereka untuk belajar.

Berdasarkan kajian kepustakaan tentang kaedah dan pendekatan bagi pengajian al-Qur'an, kita dapat simpulkan bahawa ia masih mempunyai kelemahan dan masih ramai pelajar sama ada kanak-kanak, remaja mahupun orang dewasa yang menghadapi masalah menguasai pembacaan al-Qur'an. Memang ada lagi kajian tentang celik al-Qur'an dalam kalangan pelajar (Mohd Aderi, 2004), amalan pengajaran tilawah al-Qur'an di sekolah (Mohd Aderi, 2011), persepsi pelajar terhadap al-Qur'an (Mohd Aderi & Rohani, 2009) dan kesalahan bacaan al-Qur'an (Surul & M. Azhar, 2015) namun belum terdapat lagi kajian yang rapi meneliti dan membedah kaedah-kaedah membaca al-Qur'an secara pedagogi.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai ketiga-tiga kaedah *Muqaddam Baghdadiyah*, *Qiraati* dan *Iqra* ini dari sudut pedagogi atau pendidikan, dengan membedah setiap kaedah, membandingkannya dan meneliti apakah punca masalah ketidakcekapan ini dan memperkenalkan satu kaedah baharu, iaitu kaedah IFTaR yang boleh mengatasi masalah celik al-Qur'an, insha'Allah.

Latar belakang kualitatif kaedah IFTaR

Penulis selaku penyelidik lahir pada tahun 1950an sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan telah belajar mengaji di rumah seorang Pak Lebai dengan menggunakan kitab *Muqaddam*. Pengalaman belajar masih segar lagi di mana murid duduk dalam bulatan kecil menghadap *Muqaddam* yang terletak di atas rehal. Kemudian seorang demi seorang akan bertalaqqi menghadap Pak Lebai dan membaca huruf-huruf *hija'iyah* dan gabungannya atau perkataan-perkataan Arab yang mudah walaupun tidak diketahui maknanya. Pak Lebai akan membetulkan mana yang salah dan kemudian mengajar pelajaran baharu. Kalau ada silap dalam beberapa baris yang dibaca esok diulang lagi. Murid hanya boleh berganjak ke barisan baharu atau halaman baharu apabila tidak ada kesilapan dari segi sebutan dan bunyi. Justeru mengaji al-Qur'an itu memang satu yang meletihkan, menjemukan dan murid belajar kerana dipaksa. Nasib baik Pak Lebai ini tidak menggunakan rotan. Jika tidak ia memberi satu lagi alasan untuk tidak pergi ke kelas al-Qur'an.

Bila difikirkan akan hal ini teringat penulis akan zaman Munsyi Abdullah apabila beliau membawa Raffles melawat sebuah kelas seperti ini untuk melihat sendiri proses pelajaran mengaji. Munsyi menceritakan bagaimana Raffles bertanya kepada Lebai Abdul Razak, kenapakah orang Melayu belajar membaca sesuatu yang mereka tidak faham? Kenapa mereka tidak belajar membaca Bahasa Melayu? Lebai tersebut menjawab “ibu bapa mereka hendakkan anak mereka mula-mula belajar al-Qur’an. Selepas mereka telah menguasai al-Qur’an barulah boleh belajar Bahasa Melayu. Itulah amalan kami” (Rosnani, 1996: 20). Mulakan dengan belajar membaca al-Qur’an dahulu dan selepas itu barulah belajar Bahasa Melayu daripada guru-guru tertentu. Tetapi pengalaman mengaji dengan Pak Lebai ini menimbulkan satu tekad kepada penulis bahawa beliau tidak akan mengajar mengaji dengan kaedah sebegini. Penulis juga berpeluang untuk belajar di luar negara pada tahun 1973 dalam bidang Matematik untuk Sarjana Muda dan Kurikulum dan Pengajaran Matematik untuk peringkat Sarjana. Bidang Kurikulum ini banyak membantu dalam memahami psikologi dan perkembangan insan, kaedah pengajaran dan teori dan motivasi pembelajaran, asas-asas pendidikan dan sebagainya.

Pada tahun 1983, ketika anak sulung berumur 4 tahun dan sudah mula berbahasa dan mempunyai daya ingin tahu yang menonjol, penulis mulakan hafazan al-Qur’an dan diikuti pula celik huruf rumi dan seterusnya celik huruf al-Qur’an. Untuk celik huruf al-Qur’an inilah penulis mencipta IFTaR yang menggunakan kaedah fonetik. Tetapi IFTaR yang mulanya terhad kepada ahli keluarga mula dikenalkan pada tahun 2011 kepada murid-murid Sekolah Islam Antarabangsa Malaysia (IISM) Gombak apabila penulis selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dimaklumkan bahawa murid masih tidak boleh membaca selepas setahun. Bagaimanapun pada ketika itu, pengajaran kaedah IFTaR tidak mendapat tumpuan penulis sebab beliau sibuk dengan memperkenalkan Pedagogi Hikmah bagi Inkuiri Falsafah untuk 5K iaitu kemahiran kritis, kreatif, keprihatinan, komunikasi dan kolaboratif. Setelah Pedagogi Hikmah mantap dengan barisan pensyarah daripada anak didiknya, maka penulis dapat memberi fokus kepada IFTaR mulai tahun 2018. Sebelum menghuraikan kaedah IFTaR untuk mempelajari asas al-Qur’an atau Bahasa Arab, penulis akan menganalisis kaedah-kaedah mengaji yang sedia ada dari sudut pedagogi bagi membantu pembaca memahami isu dan masalahnya.

Analisis perbandingan kaedah mengaji al-Qur’an sedia ada

Perkara pokok dalam pengajaran membaca bahasa Al-Qur’an


Sebelum kita membuat analisis perbandingan kaedah-kaedah belajar membaca al-Qur’an ini adalah baik bagi kita mengetahui apakah kandungan pelajaran yang membolehkan seseorang itu mula membaca al-Qur’an. Dalam sebarang pelajaran sesuatu bahasa akan ada (i) konsonan atau huruf, (ii) *vowel*, (iii) yang apabila digabungkan dengan huruf membentuk perkataan, (iv) ejaan dan tulisan perkataan, dan kemudiannya (v) bacaan ayat. Konsonan untuk Bahasa Inggeris ada 26 daripada a ke z dan *vowel* pula ada lima iaitu bunyi a e i o u. Bahasa Melayu pula mempunyai 26 konsonan ditambah dengan nya (ny/ب), nga (ng/غ), ga/ك, pa/ف; dan 1 *vowel* tambahan e’. Begitu juga dengan Bahasa Arab. Ia mempunyai 28 konsonan daripada ا hingga ي dan lebih banyak *vowel*: *fathah* َ, *kasrah* ِ, *dammah* ُ, *fathatani* َ, *kasratani* ِ, *dommatani* ُ, *mad* ٓ, *mad* ٔ, *mad* ٕ; *sukūn* ْ, *shadda* ّ, *al* ٱ, *al-shamsiah* (ٱ), dan *al-qamariah* (ٱ). Selain daripada itu, pelajaran bahasa yang baik merangkumi empat kemahiran iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur, dan perlu ada ruang untuk melatihnya. Oleh itu dalam menilai kaedah-kaedah ini, kriteria di atas perlulah diambil kira. Selepas murid sudah cekap membaca, barulah diperkenalkan *tajwid* mahupun Bahasa Arab.

Analisis Kaedah Baghdadiyah dari sudut pedagogi


Kaedah Baghdadiyah telah ditemui di Baghdad, Iraq dan mula diperkenalkan di Malaysia dengan kedatangan Islam. Buku *Muqaddam Kaedah Baghdadiyah* (2020) yang digunakan bagi menjalankan kaedah ini terbahagi

kepada dua iaitu, pertama diperkenalkan huruf *hija'iyah*, huruf-huruf bersambung dan berbaris, dan kedua ialah susunan ayat-ayat al-Quran juzuk ke-30 secara songsang, bermula daripada Surah *an-Nas* hingga ke *an-Naba'*. Pada penilaian penulis memang baik memulakan dengan memperkenalkan huruf *hija'iyah* tetapi yang menjadi masalahnya ialah murid wajib dapat mengenal dan mengecam semua 28 huruf sebelum diperkenalkan kepada *vowel* pertama *fathah* (Lihat Rajah 1 dan 2). Ini membebankan minda murid. Mereka lazimnya tersekat dan buntu di sini begitu lama sehingga mereka menghafal pula urutan abjad dan bukan mengenalnya.


Seterusnya murid diperkenalkan kepada dua lagi *vowel* berbaris satu iaitu, *kasrah* dan *damamah* serentak dengan 28 huruf *hija'iyah* (Rajah 3). Pelajaran seterusnya diperkenalkan tiga lagi *vowel* berbaris dua, *fathatani*, *kasratani* dan *dammatani* (Rajah 4). Ini adalah kaedah mengejut bukan kaedah beransur-ansur dan bukan mengikut prinsip pedagogi dari senang kepada susah. Justeru ia adalah sukar untuk dicapai oleh murid. Bila diteliti kaedah ini memang memperkenalkan banyak perkara seperti *vowel*, *shadda*, dan *mad* kepada semua 28 huruf *hija'iyah* serentak (Rajah 5). Memang dari segi pedagogi, ini sangat berat untuk diingat.




Rajah 1 Halaman 1 Muqaddam




Rajah 2 Halaman 2 Muqaddam



Rajah 3 Tiga vowel/ satu baris serentak



Rajah 4 Tiga vowel/ dua baris serentak

Rajah 5 *Kasrah*, *shadda* dan *mad* ي

Latihan pengukuhan dari halaman 10 hingga 24 pun menggunakan pola yang serupa. Muka surat 18 dan 19 memperkenalkan *al* (ال) tetapi tidak terdapat latihan pengukuhan (Rajah 6 dan 7). Lagipun huruf dan perkataan ditulis terlalu rapat bagi seseorang yang baru hendak mula belajar. Satu kelemahan yang amat ketara ialah *Muqaddam* ini juga tidak didahului atau diakhiri dengan isi kandungan yang boleh memberi gambaran

keseluruhan kaedah ini yang menyukarkan seseorang mengetahui kandungan dan susunan pelajaran. Ini juga menyukarkan murid atau pembaca untuk mencari muka surat bagi isi-isi tertentu. Ini adalah kelemahan dari segi kurikulum atau sukatan pelajaran. Guru yang menggunakannya pun tidak tahu pedagogi penulis dan sistemnya. Mereka cuma ikut sahaja buku tanpa banyak berfikir dari segi murid. Ini tidak membantu guru untuk memudahkan pembelajaran bagi murid.



Rajah 6 & 7 Pengenalan al (ال) ms 18 & 19 tanpa pengukuhan

Penulis juga bersetuju dengan empat penilaian Abdul Hafiz dan Nor Hidayah (2010) namun kurang bersetuju dengan perkara 3 iaitu kesongsangan urutan surah yang dibaca. Penulis berfikir bahawa ini berlaku kerana keinginan untuk mengikut prinsip pedagogi dari senang (pendek) kepada susah (panjang). Membaca secara songsang ini juga penting kerana faktor motivasi murid sebab mereka akan merasa mencapai kejayaan setiap kali tamat membaca suatu surah. Perkara keempat iaitu keterbatasan kepada jenis al-Qur'an yang boleh dibaca itu bukan satu masalah sebab ia berkaitan dengan cara penulisan perkataan dan huruf yang terlalu rapat dan bentuk yang kompleks sehingga tidak dikenali oleh murid. Ini dapat diatasi dengan cara penulisan yang lebih sesuai untuk pelajar baharu.

Analisis Kaedah Qiraati Kyai Dachlan Salim

Pada peringkat permulaan, Kyai Dahlan telah menulis dan membukukan kaedah *Qiraati* kepada 10 jilid. Kemudian setelah kaedah ini diuji dan dilihat berkesan kepada golongan yang baru mempelajari al-Quran, beberapa saringan serta penambahbaikan dibuat menjadikan 10 jilid yang asal kepada 8 jilid. Kemudian, ia diseragamkan lagi menjadi 6 jilid. Seperti *Muqaddam*, buku *Qiraati* yang mengandungi 6 jilid ini juga tidak mempunyai jadual isi kandungan dan ini menyukarkan seseorang mengetahui kandungan, susunan pelajaran dan mencari muka surat bagi isi-isi tertentu. Ini adalah kelemahan dari segi kurikulum atau sukatan pelajaran. Bagaimana pun apabila kita menganalisis kandungan 6 jilid buku *Qiraati* ini kita dapati pembahagian seperti berikut:

Jilid 1 *Fathah* dan ب & ا; *Fathah* dan ت & اب; *Fathah* dan ي الى ص ش ز س ح خ د ر ز س ش ص الى ي; dan gabungannya; Huruf berangkai *fathah* sahaja.

Jilid 2 vowel: *Kasrah*, *ḍammah*, *fathatani*, *kasratani*, *ḍammatani*, تة لة; *mad* / *mithal* دا ما; alif kecil eg صلوة بقى; *mad* + *sukūn* eg حين; *mad* + *sukūn* دو نو و.

Jilid 3 mengandungi كانوا = كانوا; ه ه ه ال; Praktis *sukūn*; Praktis لا; Praktis/ peneguhan

Jilid 4- 6 mengandungi *tajwīd*.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa dari satu sudut, Kaedah *Qiraati* berjaya memperbaiki sedikit kaedah Baghdadiyah. Bagaimanapun ia masih menggunakan model yang serupa. Pertama, murid masih diperkenalkan kepada kesemua huruf *hija'iyah* dan satu vowel, *fathah* dalam jilid satu iaitu 28 konsonan dengan satu vowel.

Murid masih terpaksa mengingat banyak huruf dan boleh tutup mata apabila dirangkaikan kerana semua berbunyi a. Bezanya, huruf-huruf ini diperkenalkan secara beransur-ansur.

Pada Jilid 2 pula daripada muka surat 42 hingga 90 murid didedahkan kepada terlalu banyak *vowel* secara tiba-tiba. Masalah yang guru hadapi ialah murid-murid masih belum mengenal kesemua konsonan pada Jilid 1, jadi mereka sukar untuk mengeja dengan *vowel-vowel* yang baru diperkenalkan. Mungkin ini mudah bagi murid yang sudah tahu banyak *vowel*, mereka boleh mengeja dan membaca banyak perkataan dan frasa.

Jilid 3 pula nampak sedikit santai berbanding dengan beratnya Jilid 2. Jelas pemberatan jilid tidak seimbang. *Shadda* kelihatan hanya diperkenalkan pada Jilid 5, begitu juga *Alif shamsiah*. Pengenalan *Shadda* dan *Alif* ini dianggap lambat sebab tanpanya, banyak perkataan belum boleh dieja lagi.

Jilid 4 hingga 6 menfokus kepada *tajwīd*. Satu perkara yang menimbulkan pertanyaan adalah sama ada wajar diajar *tajwīd* tanpa konteksnya dalam usaha untuk memastikan murid ingat bahawa huruf tertentu adalah jenis *qalqalah* spt *د* dan *ق*. Begitu juga untuk *iqḥab*, *idgham ma'al ghunnah*, *idgham bilā ghunnah* dan *izhar*.

Penulis berpendapat penguasaan *tajwīd* memanglah satu proses yang panjang. Lebih baik ia diajar ketika murid sedang membaca al-Qur'an dan diperbetulkan atau diperjelaskan kepada mereka pada ketika itu juga agar mereka lebih faham, seperti yang dilakukan oleh Pak Lebai pada zaman dahulu. Tambahan dalam era yang canggih teknologi ini, kita sudah ada kitab al-Qur'an fizikal dan dalam bentuk app seperti Muslim Pro, Greentech App, al-Muqri dan al-Tanzil di mana *tajwīd* diwarnakan dan qari disediakan untuk kita dengar bacaan yang betul. Maknanya ada banyak panduan untuk membantu murid dalam *tajwīd* selain daripada pembelajaran di bilik darjah atau dengan guru kelas. Beberapa kajian (Zabedah & Irfan, 2014; Norizan et al., 2012) telah menunjukkan keberkesanan multimedia dalam membantu murid menguasai *tajwīd*. Persoalannya, adakah *tajwīd* menjadi keutamaan kita dalam mempelajari al-Qur'an atau makna dan kandungannya? Jika makna dan kandungan, sewajarnya langkah seterusnya selepas jilid 3 ialah satu waktu tilawah bertajwīd dan pelajaran bahasa Arab.

Analisis Kaedah Iqra As'ad Humam (Kementerian Pendidikan Malaysia)

Penulis berpendapat bahawa Ustaz As'ad menggunakan Kaedah *Iqra* untuk cuba mengatasi masalah yang disebut dalam Kaedah *Qiraati*. Seperti juga *Muqaddam* dan buku *Qiraati*, buku *Iqra'* yang terdiri daripada 6 jilid juga tidak mempunyai jadual isi kandungan. Kelemahan yang sama dari segi kurikulum atau sukatan pelajaran. Analisis kandungan 6 jilid buku *Iqra'* ini mendapati pembahagian berikut:

Jilid 1 Sama kandungan dengan kitab *Qiraati* iaitu semua 28 huruf *hija'iyah* dan *vowel fathah*. Bezanya huruf berangkai *fathah* dan gabungan huruf tidak bersambung

Jilid 2 Pertukaran huruf mengikut kedudukan: depan, tengah dan hujung; Gabungan huruf-huruf dan bersambung: *ب ت = تَبْت*; *Mad alif*: *نَاَز*; *Alif maqsura*: *سَجِي*

Jilid 3 Perkenal *kasrah* dan gabungan perkataan (1-5); Perkenal *mad* *ي* dan gabungan perkataan: (6-13) cth: *فِي فِي*; Perkenal *ḍammah* (14-16) dan gabungan perkataan.; *Mad* *و* dan gabungan perkataan (17-30) cth: *بُو*

Jilid 4 *Fathatani*, *Kasratani*, *Ḍammatani*, *Sukūn*, dan gabungan perkataan

Jilid 5 *Alif lam qamariah* cth *الْحَمْدُ* *Tajwīd*: Dua harakat cth *لَأَعْبُدُ*

Jilid 6 *Tajwīd*.

Pada penelitian penulis, kitab *Iqra'* kelihatan ingin mengurangkan bebanan murid dengan mengurangkan kandungan Jilid 2 tetapi pada masa yang sama ia menimbulkan satu masalah lain. Ini berlaku kerana *vowel kasrah*, *ḍammah* dan *mad ya* dan *wau* diperkenalkan hanya pada Jilid 3 sementara *vowel* baris dua, *sukūn* dan *alif lam* hanya pada Jilid 4 dan 5. Ini bermakna ia telah melambatkan proses pembacaan sebab tanpa *vowel* ini

tidak banyak perkataan atau ayat yang boleh dibina. *Vowel* amat penting untuk perkataan dan ayat. Bagaimana pun jelas kandungan *tajwid* sudah dikurangkan kepada *tajwid* asas dalam Jilid 6.

Analisis kaedah Iqra' Fast Track Rosnani (IFTaR)

Dari segi kandungan, buku Kaedah IFTaR, berjudul *Mari Membaca Bahasa Arab*, menunjukkan susunan pelajaran. Kaedah yang digunakan ialah menyepadukan huruf *hija'iyah* dengan *vowel* bergilir-gilir sehingga semua diliputi. Susunan pelajaran adalah seperti yang terdapat dalam Kandungan buku (Jadual 1) bermula dengan huruf kaf (ك) dan berakhir dengan huruf hamzah (ء) dan diselangselikan dengan *vowel*. Selepas diperkenalkan huruf atau *vowel* baharu, guru akan memberi aktiviti mengeja perkataan baharu yang melibatkan huruf atau *vowel* tersebut dan juga semua huruf dan *vowel* yang telah dipelajari ditambah dengan tulisan dan imlak. Proses ini berterusan sehingga murid boleh membaca beberapa ayat daripada al-Qur'an (Rajah 6), surah-surah pendek dan perbualan Bahasa Arab mudah menjelang halaman-halaman terakhir.

Jadual 1 Kandungan buku IFTaR dan Halaman

1. Letter (*Huruf*) ك 1
2. **al-fathah (َ) الفَتْحَة 1**
3. Letter (*Huruf*) ل...2
4. Letter (*Huruf*) م 3
5. **al-Kasrah (ِ) الكَسْرَة 5**
6. Gabungan (*combined*) huruf 6
7. **ad-Dammah (ُ) الضَّمَّة 7**
8. Letter (*Huruf*) ء 9
9. Letter (*Huruf*) ف 10
10. Letter (*Huruf*) ن 13
11. Letter (*Huruf*) ر 15
12. Letter (*Huruf*) ب 17
13. Letter (*Huruf*) ت dan ة 13
14. **Long vowel (Vowel panjang) (ِ) dan (َ) 21**
15. **Al-Fathatani (ِ) الفَتْحَاتَيْن 23**
16. Letter (*Huruf*) ح 25
17. **Al-Kasratani (ِ) الكَسْرَاتَيْن 27**
18. Form of Letter (Bentuk *Huruf*) I .29
19. **al-Dammatani (ُ) الضَّمَّاتَيْن 30**
20. Letter (*Huruf*) د 32
21. Letter (*Huruf*) و 34
22. **Vowel panjang (Long vowel) (ُ) dan (ِ) 36**
23. Letter (*Huruf*) س 37
24. Letter (*Huruf*) ج 39
26. Letter (*Huruf*) ق ...43
27. Letter (*Huruf*) ز ...45
28. Letter (*Huruf*) ي ...47
29. **The Silent Vowel (Vowel senyap) (ْ) السُّكُون 49**
30. **Long vowel (Vowel panjang) → and (ِ) 51**
31. Letter (*Huruf*) ط 53
32. Letter (*Huruf*) هـ 55
33. Letter (*Huruf*) ح 57
34. Letter (*Huruf*) ص 59
35. Letter (*Huruf*) غ 61
36. Letter (*Huruf*) خ 63
37. Letter (*Huruf*) ث 65
38. Letter (*Huruf*) ذ 67
39. Letter (*Huruf*) ظ 69
40. Letter (*Huruf*) ض 71
41. Form of Letter (Bentuk) II 73
42. **as-Shaddah (ّ) الشَّدَّة 74**
43. **At-Ta'rif (ال) التعريف (The definite article). 77**
44. **Alif Maqsurah ألف مقصورة 79**
45. **Al-Hamzah .. 80**
46. Words related to Islam (Agama) 81
47. Verses (Ayat) from the Qur'an 82
48. Simple Arabic words (*perkataan Arab yang mudah*) 84
49. Conversation (*Perbualan*). 85
50. Sequence of Hija'iyah Letter (Tertib Huruf *Hijai'yah*) 86

Berbanding kaedah-kaedah sebelum ini, kaedah IFTaR dicipta berdasarkan beberapa prinsip pedagogi yang kukuh seperti berikut:

- i. Mengajar daripada perkara yang senang kepada yang susah, konkrit kepada abstrak (cth. banding jadual 2 dan 5).
- ii. Membina perkataan baharu daripada huruf-huruf yang sudah dipelajari (cth. Jadual 5).
- iii. Menjadikan pembelajaran lebih melibatkan murid menerusi perkataan yang bermakna (cth. beberapa perkataan dalam Jadual 5).
- iv. Menggunakan gambar-gambar untuk memberi makna dan merangsang murid (cth. Jadual 2).
- v. Menyediakan keempat kemahiran berbahasa supaya lebih mudah mengingat (cth. Jadual 4 ada petak untuk tulisan dan tulisan kelabu untuk ditulis atasnya).

Di samping itu kaedah IFTaR menggunakan kaedah saintifik seperti berikut:

- i. Membeza huruf dan perkataan dengan menggunakan warna merah untuk huruf baharu, warna hitam untuk biasa dan kelabu untuk latihan menulis (cth. Jadual 2, 3, 4, 5).
- ii. Membedah perkataan supaya dapat melihat perubahan bentuk ikut kedudukan (cth. Jadual 5).
- iii. Menunjukkan makna beberapa perkataan melalui gambar.

Jadual 2 Huruf ك dan fathah

The letter ك and al-fathah (الفتحة)
Huruf ك dan al-fathah (الفتحة)

 ك كَبَّ					
ك	ك	ك	ك	ك	ك
ك	ك	ك	ك	ك	ك
الْفَتْحَةُ (ـَ)					
كَ	كَ	كَ	كَ	كَ	كَ
كَ	كَ	كَ	كَ	كَ	كَ
كَ	كَ	كَ	كَ	كَ	كَ

* Pronounce the fathah with the 'a' sound as ك (Kaf + a) = ka
* Sebut fathah dengan bunyi 'a' spt ك (Kaf + a) = ka

Jadual 3 Gabungan Huruf ك م ل & fathah

ك	ك	ك	ك	ك	ك
م	م	م	م	م	م
ل	ل	ل	ل	ل	ل
كَم	كَم	كَم	كَم	كَم	كَم
مَك	مَك	مَك	مَك	مَك	مَك
لَم	لَم	لَم	لَم	لَم	لَم

Jadual 4 Kasrah

لِ مِ كِ					
لِ	مِ	كِ	لِ	مِ	كِ
لِ	مِ	كِ	لِ	مِ	كِ

* pronounce the kasrah with the 'i' sound as كِ (Kaf + i) = ki
 * sebut kasrah dengan bunyi 'i' seperti كِ (Kaf + i) = ki

Jadual 5 Gabung dan bedah Huruf

Combined letters	Gabungan Huruf
لَكَ = كَكَ = لَكَ	لَكَ = كَكَ = لَكَ
مَلِكٍ = مَلِكٍ = مَلِكٍ	مَلِكٍ = مَلِكٍ = مَلِكٍ
كَلِمَةٍ = كَلِمَةٍ = كَلِمَةٍ	كَلِمَةٍ = كَلِمَةٍ = كَلِمَةٍ
كَمَلِكٍ = كَمَلِكٍ = كَمَلِكٍ	كَمَلِكٍ = كَمَلِكٍ = كَمَلِكٍ
مَكَلٍ = مَكَلٍ = مَكَلٍ	مَكَلٍ = مَكَلٍ = مَكَلٍ
لِمَكَلٍ = لِمَكَلٍ = لِمَكَلٍ	لِمَكَلٍ = لِمَكَلٍ = لِمَكَلٍ

Jadual 6 Ayat dari al-Qur'an

Beberapa ayat dari al-Qur'an

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ .
إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ
اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِأُولِي الْأَبْصَارِ

Hasil kajian pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah IFTaR

Beberapa kajian telah dilaksanakan menggunakan kaedah IFTaR sejak tahun 2018 sehingga hari ini. Kajian pertama dilaksanakan pada waktu persekolahan selepas UPSR iaitu 10hb-30hb Oktober 2018 di SK Taman Setapak Indah bagi 12 orang murid Tahun Enam yang masih belum boleh membaca al-Qur'an. Mereka diajar oleh penulis selama 10 hari persekolahan berturut-turut, setiap sesi lebih kurang 2.5 jam dengan menggunakan buku *Mari Membaca Bahasa Arab* dan teknik yang disebut di atas. Pada hari kesepuluh, semua murid dapat membaca ayat-ayat daripada surah pendek *al-Nas*, *al-Falaq* dan *al-Ikhlâs* kecuali seorang murid yang tidak hadir beberapa hari. Ayat-ayat untuk dibaca dipilih secara rawak sebab penulis peka mereka sudah menghafal surah-surah tersebut. Temubual telah diadakan pada 30hb Oktober 2018 dengan dua orang murid – seorang perempuan dan seorang lelaki. Murid perempuan tersebut sudah pun mula menggunakan buku KPM Jilid 5, tetapi masih tidak kenal 6 huruf, *vowel* baris dua, *shadda*, *sukûn* dan tidak boleh mengeja sebelum kelas IFTaR ini dijalankan. Hasil temubual mendapati mereka sepakat menyatakan bahawa kaedah IFTaR ini lebih senang difaham dan diingat, dan lebih mudah. Bila diberi pilihan antara menggunakan buku KPM Iqra dan buku IFTaR untuk mengajar murid Tahun Satu, mereka memilih buku IFTaR.

Kajian kedua telah dilaksanakan di Tadika Comelku juga di Taman Setapak Indah pada bulan April – Nov 2019. Pada sesi pertama, guru Tadika seramai 5 orang telah diberi taklimat tentang kaedah IFTaR dan cara mengajarnya. Bagaimana pun hanya 2 orang yang dikhususkan untuk mengajar. Di akhir kajian penulis menemubual 2 orang guru tersebut. Mereka berpuas hati kerana ramai murid Tadika berumur 5-6 tahun boleh mengenal, mengingat dan membezakan huruf-huruf dan *vowel* dalam tempoh kurang setahun. Separuh murid boleh mengeja dan mereka berpendapat latihan tulisan membantu mengingat. Ada beberapa orang tamat buku yang bermakna mereka boleh membaca ayat Qur'an (Gambar 1 dan 2). Mereka berpendapat kaedah IFTaR "sangat berkesan, lebih mudah untuk mengajar. Murid dapat kenal huruf dengan lebih mudah".

Pada soalan lain mereka menjawab "murid lebih menggemari IFTaR. Kaedah yang di gunakan sebelum ini ialah IQRA Ust Asád." Guru juga menyatakan bahawa murid seronok belajar dan tandanya ialah "mereka sendiri yang akan baca buku itu terlebih dahulu sebelum guru mengajar". Mereka berpendapat bahawa kandungan buku teks IFTaR "mudah dan ringkas", susunannya "lebih mudah difahami", "kaedah dan teknik pengajaran yang sangat mudah". Mereka bersetuju bahawa IFTaR adalah pantas, efisien dan berkesan. Mereka mengesyorkan kaedah

IFTaR kepada guru lain dengan sedikit latihan. Dalam temubual dengan empat orang murid yang tamat tersebut, seorang murid menyatakan bahawa ada membaca dengan ibu bapa di rumah dan seorang lagi pergi ke Kafa waktu petang. Sehingga tahun 2021, Tadika berkenaan masih menggunakan kaedah ini setelah menyaksikan sendiri kesan positifnya berbanding buku *Iqra* yang pernah mereka gunakan.



Gambar 1 & 2 Murid Tadika Comelku mengulang kaji huruf dan ejaan

Kajian ketiga dilaksanakan terhadap sekumpulan pelajar dewasa iaitu 10 orang muafak yang berdaftar dengan Hidayah Centre Foundation. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku pada setiap Rabu dan Khamis jam 8.30 hingga 10.00 malam antara 21hb Oktober hingga 14hb Disember 2020 iaitu selama 8 minggu dan sejumlah 24 jam. Jadual 7 menunjukkan kemajuan mereka mengikuti setiap kelas selama 8 minggu. PdP ini berlaku secara dalam talian disebabkan pandemik covid (Gambar 3). Muafak ini berusia antara 24 hingga 67 tahun, seorang lelaki dan 9 orang wanita. Mereka telah memeluk agama Islam antara 1 hingga 23 tahun (0, 1, 1, 4, 5, 5, 10, 10, 10, 23). Lima orang daripada mereka bekerja dan lima orang adalah suri rumah. Enam orang pernah belajar mengaji sebelum ini dan selebihnya tidak pernah. Penulis mengajar mereka dengan dibantu oleh seorang pelajar Sarjana merangkap Pembantu Penyelidik yang mengajar sebanyak dua kali.

Jadual 7 Kemajuan Saudara Baru dalam Tempoh 8 Minggu Tahun 2020

Tarikh	Kandungan pelajaran	Tarikh	Kandungan pelajaran
1) 21 Okt	Hal 1-4: ك ل م	2) 23 Okt	Hal 5-12: و ا ف
3) 25 Okt	Hal 13-22: ن ر ب ت ث	4) 30 Okt	Hal 23-29: ع ء
5) 04 Nov	Hal 32-35: و د ه	6) 06 Nov	Hal 36-42: ش ج س و
7) 11 Nov	Hal 43-48: ق ز ي	8) 13 Nov	Hal 49-56: ه ط ه
9) 18 Nov	Hal 57,74-78: ح ال ال	10) 20 Nov	Hal 59-66: ص غ خ ث
11) 25 Nov	Hal 67-70: ذ ظ	12) 27 Nov	Hal 71-72,79-81: ض ي ء
13) 02 Dis	Hal 81-85, app al-Tanzil	14) 04 Dis	Hal 83, al-Asr, app al-Muqri
15) 09 Dis	Al-Fatihah & AnNas		

Dalam satu tinjauan untuk mengetahui pendapat mereka tentang buku IFTaR, mereka menyatakan bahawa ia berbeza dengan buku-buku lain yang pernah mereka gunakan. Ada yang berpendapat bahawa “ia lebih senang,” “mudah difahami,” “faham makna,” “menarik, tidak bosan, dan enjoy,” “buku-buku lain mengambil masa yang lama untuk habiskan,” dan “format pengajaran yang mudah difaham dan ingat.” Daripada 9 orang yang respons kepada pertanyaan tentang keberkesanan belajar dalam talian berbanding bersua muka, 5 menjawab sama

berkesan dan 4 menjawab lebih baik. Mereka mengesyorkan buku ini digunakan untuk mengajar muallaf yang lain.



Gambar 3 PdP IFTaR atas talian bagi saudara baru

Satu temubual mendalam telah diadakan dengan seorang peserta lelaki yang baru memeluk Islam lebih kurang setahun. Apabila ditanya beza kaedah IFTaR dengan kaedah-kaedah lain beliau menyatakan:

Sebelum ini saya ikut kelas-kelas itu tidak lama .. 2 bulan. Belajar iqra dan akidah. Proses baca iqra itu ikut susunan huruf a ba ta tetapi dari segi pemahaman dan ingatan ia kurang berkesan berbanding dengan kaedah IFTaR ini. Mungkin susunan buku yang ustazah beri itu (IFTaR) lebih berkesan. Cara pengajaran kelas itu tidak ada apa-apa menulis langsung, sebut sahaja dan cuba untuk ingatkan huruf itu. Selain daripada kelas itu saya ada juga mengikuti kelas di HCF ustaz yang ajar juga tidak ada menulis. Kita cuma baca dan ingat sahaja.

Tentang keberkesanan kaedah IFTaR, beliau berkata:

Dari segi kaedah kalau ada pilihan daripada 1-10, saya bagi 10 sebab saya pernah cuba belajar sendiri di *you tube* dan lain-lain tetapi dari segi penguasaan itu tidak ada. Saya ini sikap dan perwatakan saya memang perlu ada *progress* seperti saya dapat sesuatu di akhir iaitu saya boleh baca. Tapi lancar atau tak itu bergantung kepada saya. Jadi dari segi penguasaan itu *alhamdulillah* bagus, tapi masalahnya ialah saya tidak mengulangkaji.

Ditanya jika beliau boleh membaca surah-surah *juzu' amma* selepas IFTaR, dia menjawab:

sebenarnya dari segi nak baca bukan susah tapi masalah saya ialah tidak begitu lancar dari segi bacaan. Selepas ikut kelas ini, *alhamdulillah*. Saya minat beli lukisan *khat* .. kawan kawan hadiahkan buku dan gambar. Selepas kelas IFTaR saya boleh baca, boleh kenal huruf *khat* itu tapi tak lancar.

Beliau menyatakan bahawa "*Alhamdulillah* [saya] amat berpuas hati sebab sebelum ini tak pernah boleh baca. Sebelum ini kalau pergi masjid ada program baca *yāsīn* saya tak kenal huruf langsung. Sekarang boleh kenal dan sebutan itu bergantung kepada kekerapan ulangkaji."

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Artikel ini telah menegaskan tentang pentingnya kemahiran membaca al-Qur'an bagi seorang Muslim. Oleh demikian adalah amat penting bagi seseorang Muslim itu menguasai kemahiran membaca al-Qur'an. Artikel ini menjelaskan, menganalisis dan menilai tentang empat kaedah membaca al-Qur'an iaitu kaedah Baghdadiyah, Kaedah Qiraati Kyai Dachlan Salim, Kaedah Iqra Ust As'ad Humam dan Kaedah Iqra' Fast Track Rosnani (IFTaR).

Daripada analisis kaedah-kaedah ini, kita dapati tiga kaedah yang pertama tidak mempunyai sukatan atau organisasi kurikulum subjek. Cuma kaedah IFTaR sahaja yang jelas susunan sukatan atau kurikulumnya.

Dari segi prinsip pedagogi, kaedah Baghdadiyah tidak mengikut prinsip pembelajaran daripada senang kepada sukar bahkan memberatkan minda murid kerana terpaksa mengingati 28 abjad sebelum diperkenalkan *vowel*. Kaedah Qiraati tidak mempunyai pemberatan kandungan yang seragam dengan Jilid 2 begitu berat sementara Jilid 3 agak santai. Ketiga-tiga kaedah pertama tidak menghiraukan kemahiran menulis dan mendengar. Ini berbeza dengan Kaedah IFTaR yang menekankan kemahiran menulis melalui tulis huruf dan perkataan dan juga kemahiran pendengaran melalui latihan imla'. Tidak ada satu pun kaedah ini yang menggunakan prinsip saintifik kecuali kaedah IFTaR iaitu warnakan huruf yang diperkenalkan, kelabukan untuk menyalin tulisan, cantum dan pisah huruf, dan gambar bagi makna perkataan.

Akhirnya tidak banyak kajian yang dijalankan untuk kaedah-kaedah ini untuk pelbagai peringkat pembaca seperti yang telah dijalankan bagi kaedah IFTaR. Kajian kaedah IFTaR menunjukkan pencapaian yang baik dari segi tumpuan, penguasaan, reproduksi amalan yang telah dipelajari apabila sesuai dan motivasi untuk terus belajar (Bandura, 1986), dalam tempoh 24 jam bagi pelajar dewasa dan kanak-kanak 12 tahun. Sementara, bagi murid Tadika mereka mampu mengeja dan membaca dalam tempoh 6 bulan.

Kesimpulannya, secara objektif dan saintifik, kita boleh rumuskan bahawa kaedah IFTaR mempunyai potensi untuk memudahkan individu yang ingin belajar membaca al-Qur'an pada peringkat mengenali semua konsonan, *vowel*, ejaan perkataan dan bacaan ayat. Kaedah IFTaR tidak menekankan *tajwid* yang diajar selepas khatam buku *Mari Membaca Bahasa Arab*. Falsafahnya *tajwid* boleh diajar dalam pelbagai cara masa kini khususnya dengan bantuan app dan teknologi. Malahan kajian telah mendapati murid bertambah baik dalam bacaan *tajwid* menggunakan multimedia. Tetapi dalam konteks al-Qur'an sebagai *Huda, Furqan, Shifa'* dan sebagainya, penulis fikir lebih baik selepas cekap membaca murid atau pelajar dewasa diperkenalkan kepada *Tajwid* Asas dan Bahasa Arab dalam konteks al-Qur'an supaya mereka boleh memahami mesej al-Qur'an untuk dijadikan pedoman hidup terutama bagi golongan muallaf di mana motivasi mereka belajar al-Qur'an adalah untuk memahami mesej Allah SWT dan melaksanakannya.

RUJUKAN

- Abdul Halim, T., Khadijah, A. R., Shahrin, A., Kamarulzaman, A. G., Mohd Aderi, C. N. (2006). Kajian Amalan Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK2006, Jilid 11*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hafiz, Abdullah dan Nor Hidayah Hamsur (2010). Metode Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Al-Qur'an Di Kalangan Saudara Baru Di Bawah Kelolaan JAJ. Tidak diterbitkan. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10732/>
- Abdullah Abdul Kadir. (1970). *The Autobiography of Abdullah bin Abdul Kadir (1797-1854)*, annotated translation by A.H. Hill. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- As'ad, H. (2012). *Iqra: Cara Cepat Belajar Membaca al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice- Hall, Inc.
- Dachlan, S. Z. (1993). *Qiraati: Kaedah Praktis Membaca al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Aras Mega Sdn Bhd.
- Imran, K. B. (2010) *Kemahiran Bacaan al-Fatihah Dalam Kalangan Jemaah Masjid: Kajian di Masjid-masjid Daerah Hulu Langat, Selangor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam IKIM-UIAM-KPM (2018). *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Matapelajaran Pendidikan Islam Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: IKIM

- Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum LEPAI (2017). Laporan Kajian Penambahbaikan Kurikulum Kelas Agama Dan Fardhu 'Ain (KAFA), Kuala Lumpur: Bahagian Kemajuan Islam JAKIM.
- K. A. Jasmi. & Mohd Aderi, C. N. (2013). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran dibentang pada *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI*, Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 28-29 Oktober.
- Mohd Aderi Che Noh. (2004). *Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur*. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. (2011). Amalan pengajaran tilawah al-Quran: Satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 57-72.
- Mohd Aderi Che Noh, & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff, & Saidi bin Mohd. (2008). Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. *Al-Bayan Journal of al-Quran & al-Hadith*, 6, 53-85.
- Muqaddam Kaedah Baghdadiyah* (tanpa penulis, Cet. 4) 2020. Kuala Lumpur: M. Hisyam Hashim.
- Noor Hayati Binti Hashim. 2014. *Muqaddam Noor Al-Hayat*. Kajang, Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Nor Zaihasra, C. H. (2016), Tahap Keberkesanan Penggunaan Muqaddam Noor Al-Hayat Di Sekolah Rendah. Universiti Sains Islam Malaysia: Tesis Sj Muda Pendidikan.
- Norizan Mat Diah, Marina Ismail, Suzana Ahamad, & Noor Atiqah Che Juhari. (2012). Interactive multimedia application to teach tajweed for children using scaffolding approach. *2nd International Malaysian Educational Technology Convention* (pp. 444-457).
- Rosnani, H. (1996). *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rosnani, H. dan Ismaiel, H.. (2018). *Mari Membaca Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: IECAS.
- Surul Shahbudin, H. dan Muhammad Azhar, Z. (2015) Bentuk-bentuk Kesalahan Bacaan al-Qur'an di Sebuah IPTA. *The Online Journal of Islamic Education*. 3:2, 1-10.
- Zabedah, A.A & Irfan N. U. (2014). Keberkesanan perisian kursus multimedia pembelajaran *tajwid* terhadap kefahaman *tajwid* dan bacaan al-Qur'an murid. *The Online Journal of Islamic Education*, Special Issue of ICIEd, 1-10.
- Zulkifli, M. Y. & Nur 'Atiyah, S. (2013). Senario Semasa Dan Strategi Pengembangan Pengajian Ilmu Al-Quran. Kertas kerja dibentang pada Seminar Memperkasakan Pengajian al-Qur'an, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. November 2013. DOI: 10.13140/2.1.2507.9040